

Kumpulan Cerpen

SENJAMERAH MERANGKUL TUBUH

ADI MISERE

Cetakan Pertama 2018

Diterbitkan oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam

Tel.: +673 2382511 Faksimile: +673 2380472/2381817

E-mel: pengarahdbp@dbp.gov.bn

© Adi Misere 2018

Editor : Hajah Salbiah Haji Dullah
Tim Penerbitan : Hajah Jijah Haji Timbul
Hajah Rohani Haji Abdul Hamid
Hajah Siti Rubiah Haji Besar
Reka Bentuk Hiasan Kulit : Masrura Haji Moxsin

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Kesahihan fakta, dapatan dan tafsiran dalam buku ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

ADI Misere

Kumpulan cerpen : Senja merah merangkul tubuh / Adi Misere. --
Bandar Seri Begawan : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018.
157 p.

ISBN 978-99917-68-55-7 (Softcover)

1. Short stories, Malay collection--Brunei Darussalam 2. Brunei
Darussalam--Fiction (Malay) 3. Malay literature--Brunei
Darussalam

899.28301 ADI (DDC 23)

Rupa Taip Teks: Cambria, 10/12 poin

Dicetak oleh
Syarikat Perniagaan dan Perkhidmatan Percetakan Ezy Sdn. Bhd.,
Unit 1 - 8, 1st Floor Bangunan Lela 3, Jalan Jerudong BG1321
Negara Brunei Darussalam



Hilang Kelam Tiba Cerah

Dilayannya aku dengan baik dan penuh ketenangan dari raut wajahnya! Macam selalu juga, aku duduk di hadapan sebuah meja sederhana, kuagak meja itu sudah tua dialas dengan kain nipis sejenis plastik ungu. Pandanganku tetap menghala ke hadapan, demikian seronok berdepan dengan bakal seorang isteri. Usia kami bertunang sudah menjangkau sembilan bulan, macam meja juga tuanya! Ketika aku melirikkan mataku ke arah lain, matanya asyik mencuri-curi merenung ke mukaku. Akhirnya ia senyum juga, bagiku agak menarik juga caranya, kulitnya membawa aku hanyut tergila. Hitam manis genit rendah, begitu potongan badannya, tetapi setengah sikapnya telah dapat juga aku perhatikan, menimbulkan satu kesangsian yang luar biasa terhadap diriku, bukanlah pula membawa kebencian atau perbuatan rasa tidak ingin melihatnya!

Ada juga setengah kawan mengatakan, aku tidak bijak menempatkan 'kasih sayang' terhadap seseorang gadis, aku bingung pikok. Menerima pendapat serupa itu, tidak terperi juga aku rasakan, rasa-rasanya mahu juga terkeluar suara marahku. Tetapi dapat juga aku pertahankan, sehingga menerbitkan rohani kesabaran, kesabarannya saja tidaklah memuncak, belum menghampiri muktamad juga?

Lama juga aku termenung demikian, khayalanku telah jauh mengembara, khayal dengan pikiran perlu dijelmakan ketika itu juga, tetapi bagiku tidak terdaya bertindak terhadap diriku sendiri. Apakah tindakan ini boleh aku keluarkan? Bertanya aku sendirian dalam hati, hati telah biasa mengusik aku, mengejutkan daku! Dan timbul beberapa soal dalam kepala otakku, otak! Mahu rasanya aku bentangkan, apakah ini satu jiwa sering bertentangan, bertentangan rasa seni dan penglihatan lebih nyata. Siapa pun tentu ingin mencetuskan pertanyaan seiring dengan pendapatku, apabila telah berlainan suasana dengan keadaan yang ganjil sifatnya dalam hidup. Aku belum pun bosan hidup bertunangan lama dengan gadis desa berpupuan, terjadilah beberapa masalah yang mengejutkan dalam keping-keping hidupku, sampai aliran keturunan membawa bahtera berlainan tuju, pelbagai pendapat dan fahaman telah dapat juga aku tangkap dengan ketabahan dari tujuan sebelah pihak tunangku itu. Pada suatu petang, fikiran lebih daripada berkuasa tadi telah dapatlah aku kemukakan beberapa masalah faham ideologi dengan keluarga dan tunangku Bedayah.

"Dik, kau masih ragu-ragu mencintai aku, aku benar-benar dapat mengenal cintamu. Bahawa dalam sebulan dua ini, semua cintamu tiada betul menuju sasaran ke arahku, kan demikian?" Muka Yah ternyata serius merenung aku, kebisingan daun-daun rambutan mengerisik, bak angin meniup, dan dedaun itu mengena pada atap zink yang sudah berkarat bocor. Angin terus juga menyapoi melalui daun jendela separuh terbuka itu, beberapa buah buku kecil-kecil tersusun rapi di atas meja yang sederhana itu, kebanyakannya buku yang bercorak jenaka yang bergambar, jarang benar aku melihat buku novel tebal-tebal, hanya ketika aku bawa buku saja. Dia dapat menikmati akan isi cerita novel, seperti dahulu

aku hadiahkan buku *Siti Nurbaya* karangan Marah Rusli, tapi isinya dia tidak tahu menyelami, hanya ia mengerti membaca saja. Ah senyap lagi kamar itu, jejeri Yah telah meraba-raba kain tipis plastik mukanya menggambarkan ingin hendak menjawab masalah yang baru kubentangkan tadi, aku dengan tidak rasa sabar lagi. Aku telah mengulang: "Bagaimana pendirianmu sekarang Yah?"

"Ah, serupa biasa juga bang, hendak apa abang tanyakan perkara itu lagi ...!"

"Sebelum aku bertanya, aku suka bertanya. Pada Yah bagi kau saja berperasaan seperti itu, tapi ...!" suaraku terhenti sebentar, tapi suaranya telah dapat meningkah.

"Tapi, apa bang, apa yang tersembunyi itu?" Meloncat pertanyaannya bagai kodok mencari air, perlahan membuat Yah tersenyum manis sambil tangannya meraba rambut ikalnya.

"Bagi ayah dan ibumu itu yang abang maksudkan kini, aku dengar ayahmu telah merancang pendiriannya yang baru, mungkin bersikap tidak berapa puas dengan keadaanku sekarang, tidak normal, bukan seperti dahulu ...!" kataku dengan panjang lebar dan memiliki suara sederhana, aku diam selepas itu, Yah diam selepas itu, Yah pun ikut terpaku, diam muram durjana, telah terdapat juga di permukaannya hitam manis itu, suatu roman muka yang berubah dan berkesan, tapi Yah tidak luput-luput dari kenyataan itu. Ingatannya itu saja, tiada lain!

"Aku tahu ayahmu betul-betul merancang perhubungan kita ini dan mengadakan perundingan sulit dengan pihak keluarga ibumu yang berada itu, ibumu telah berkiblat dengan keberadaan. Kalaulah aku, apalah ada, aku hadir dengan aku ke dunia fana ini! Hanya sebuah kenderaan Vespa fesyen buatan Itali, model lama, hujan, panas terpaksa diterima sama berbasah, berpanas, kerana tiada punya atap macam kereta orang berada. Sanggupkah kau

menerima dugaan semacam itu? Kau Yah tentu berfikir, kesusahan itu jauh dari kesenangan, inilah satu gejala tanda perpisahan kita Yah, pasti tiba akan memercu...!!” ucapku dengan lantang dan bersahaja.

“Di manakah abang tahu soal ini, khabar angin tidak usah percaya, bohong! Mungkin ini satu fitnah!” katanya berkeadaan mukanya telah berubah jadi kemerahan-merahan macam ayam hendak mengeluarkan sebiji telur. Aku ingin menguatkan hujah: “Kalau fitnah tidaklah aku mengata, masakan aku berani mengatakan demikian Yah, ini bukan fitnah. Aku sendirilah mendengar pada malam kelmarin, ketika itu aku berada di beranda depan dan aku telah pergi bertandang ke rumah kawanmu Idah, dan pada malam itu aku tidak jadi naik ke rumah. Sebab ayah dan ibumu telah berbual-bual mengenai diriku, inilah hasilnya yang dapat aku terima dan sekali gus mendengarnya!!!” Bedayah terdiam menerima hujahku yang agak panjang, hatinya telah tenang, dapatku dalam ketenangan itu dia boleh berfikir lagi? Di wajahnya terbayang satu penampilan ‘sayang akan aku’ apakah bukti tanda kesayangan itu. Barangkali dengan senang saja, atau boleh dibuat-buat saja, bolehkah dia menempatkan aku sungguh seperti dahulu. Kamar itu sunyi sepi, muka Yah bertentangan dengan mukaku, itu tidaklah menghairankan, Yah selalu berbuat demikian laku. Setiap aku datang ke rumah itu, tiba-tiba selang beberapa minit. Suara Yah telah keluar sayu:

“Tapi aku tidak begitu bang, Yah tidak berperasaan sedemikian rupa. Bukan ayah atau ibu yang akan kahwin, ketahuilah, kita bang. Kita ...!” Hampir-hampir bersentuh rambut Yah dengan kepalaku, nafasnya berdenyut keras, dengan penuh harap dikemukakannya rasa hatinya padaku. Aku terdiam, seperti terdiamnya bunyi radio seakan kehabisan bateri. Tapi segera juga aku bersuara selepas itu.